

Pak Lah: Tugas berat selepas dinamakan pengganti PM

11 JUL 2002

KUALA LUMPUR 11 Julai – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau kini berdepan dengan satu tanggungjawab yang amat mencabar setelah dinamakan sebagai pengganti kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurutnya, tanggungjawab itu terlalu berat dan tidak mudah untuk dilaksanakan khususnya bagi memastikan pelaksanaan peralihan kuasa seperti yang dirancangkan itu berjalan lancar.

Sehubungan itu, beliau sangat mengharapkan sokongan daripada semua pihak terutama dari sektor awam.

“Peralihan kuasa ini perlu dilakukan dengan baik, telus dan tertib dan ini amat penting,” katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Perkhidmatan Awam Kebangsaan Ketujuh di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) di sini, hari ini.

Beliau berkata, faktor utama yang akan diberikan tumpuan olehnya ialah memastikan negara dan ekonominya terus stabil sepanjang tempoh peralihan tersebut.

Katanya, ini adalah bagi memastikan sektor swasta dan pelabur asing terus yakin dengan kepimpinan negara dan hubungan dua hala dengan negara lain juga terus kukuh.

Abdullah berkata, kesediaan Dr. Mahathir untuk melepaskan jawatannya adalah disebabkan oleh keadaan negara dan ekonominya yang terjamin dan suasana politik yang stabil.

“Dr. Mahathir pernah memberitahu saya semasa saya masih Menteri Luar bahawa kejayaan seorang pemimpin itu

ialah memastikan kerajaannya baik dan stabil ketika bersara,” katanya.

Pada Perhimpunan Agung UMNO

yang lalu, Dr. Mahathir membuat kejutan dengan mengumumkan persaraannya dari semua jawatan yang dipegangnya sama ada dalam parti atau kerajaan.